



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
(in English, BM, Chinese,
& Tamil)
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat Kepada Pengarang

1 Jun 2023

Permintaan dan rasuah memudahkan penyeludupan hidupan liar

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengalu-alukan penahanan pemburu haram hidupan liar dan rampasan bahagian anggota hidupan liar yang bernilai jutaan ringgit. Namun begitu, jumlah rampasan hidupan liar seludup itu yang banyak dirampas termasuk yang dirampas dalam perjalanan keluar atau dieksport semula dari Malaysia adalah amat membimbangkan.

Beberapa serbuan di seluruh negara, lengkap dengan rampasan hidupan liar, tidak semestinya bermakna penguatkuasaan undang-undang adalah lebih daripada pemburuan haram hidupan liar yang semakin meningkat secara bertahap. Sebaliknya, serbuan dan rampasan ini membuktikan bahawa peningkatan yang besar dalam pemburuan hidupan liar.

Hidupan liar yang diambil secara haram dari hutan sama ada boleh dijual di dalam negara atau dipindahkan melalui negara. Ia juga dijual secara terang-terangan dan secara rahsia. Kebanyakan perdagangan ini berjalan tanpa dikesan dan oleh sebab itu amat sukar untuk mengukurnya tetapi daripada rampasan yang dibuat, kita tahu bahawa sejumlah besar hidupan liar yang diambil secara haram dihantar dan dijual di peringkat antarabangsa.

Kami juga tahu bahawa haiwan ini paling kerap dijual untuk menjadi hidangan eksotik kepada golongan elit Asia dan (terutamanya ke China) untuk digunakan sebagai persembahan keagamaan, ubat-ubatan herba, atau sebagai afrodisiak (menaikkan syahwat).

Walaupun terdapat rekod rampasan hidupan liar dan produk berkaitan hidupan liar, mereka yang ditangkap dan didakwa biasanya merupakan pembawa peringkat rendah. Ini menyebabkan pesalah utama yang merupakan dalang jenayah ini yang mengetuai sindiket penyeludupan tidak disentuh.

Walaupun terdapat pindaan kepada Akta Pemuliharaan Hidupan Liar yang memperuntukkan hukuman yang lebih berat, CAP bimbang perdagangan haram spesies hidupan liar yang jarang ditemui ini akan berterusan tanpa berhenti melainkan undang-undang dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

CAP berpandangan perdagangan haram yang dikendalikan oleh perniagaan haram yang dijalankan oleh rangkaian jenayah antarabangsa yang tersusun dengan baik dan canggih ini perlu dihentikan dengan segera.

Pada April 2023, 22 ekor ular dan seekor sumpah-sumpah ditemui dalam bagasi seorang wanita di Chennai selepas dia tiba dari Kuala Lumpur melalui udara. Bagaimanakah reptilia ini terlepas daripada dikesan oleh Kastam Malaysia? Adakah ini hanya satu kesilapan yang amat mengejutkan, atau adakah kesilapan ini menunjukkan (Kastam Malaysia) tidak berminat untuk menyaring bagasi dan barangan lain yang keluar dari Malaysia?

Siasatan bersasar diperlukan bagi menjawab soalan-soalan ini dan menilai keupayaan dan kesanggupan Kastam Malaysia untuk bertindak balas terhadap perdagangan haram hidupan liar. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah adalah faktor utama dalam masalah pemburuan haram yang berterusan dan perdagangan haram hidupan liar antarabangsa.

Kajian mendedahkan hubungan antara jenayah hidupan liar dan rasuah membolehkan pemburuan haram dan perdagangan haram hidupan liar berterusan.

Pada 2017, Sekretariat Konvensyen Perdagangan Antarabangsa bagi Spesies Fauna dan Flora Terancam (CITES) dan Pejabat Dadah dan Jenayah PBB (UNODC) mengenal pasti rasuah dalam kalangan pegawai kerajaan sebagai memudahkan pemerdagangan anggota badan hidupan liar dan hidupan liar di 120 negara.

Untuk menangani masalah yang serius ini, jenayah hidupan liar mesti diperakui sebagai jenayah yang serius, transnasional, terancang, dan usaha untuk memerangi jenayah ini mestilah sepadan dengan risiko yang terdedah kepada hidupan liar.

Selain itu, mestilah terdapat kerjasama merentas negara sumber, transit dan destinasi untuk memastikan bahawa tindakan jenayah ini ditangani dan dineutralkan sehingga kepada rantaianya, daripada mereka yang berada di sumber kepada mereka yang berada di destinasi akhir, dengan tumpuan khusus kepada penganjur dan orang lain yang paling banyak memperolehi keuntungan.

Sebagai sebahagian daripada proses ini, penguatkuasaan undang-undang dan pengawasan memerlukan akses kepada teknik dan teknologi untuk menyediakan maklumat mengenai hidupan liar yang biasa diperdagangkan, kaedah yang digunakan oleh penyeludup untuk menghantar dan menyembunyikan hasil tangkapan mereka, dan cara mengesan bahagian anggota dan produk hidupan liar yang tersembunyi.

Walaupun CAP sangat gembira dengan pengumuman penangkapan bagi pemburuan hidupan liar dan perdagangan haram hidupan liar baru-baru ini, CAP menggesa lebih banyak tindakan di lapangan untuk menyamai lonjakan aktiviti jenayah dan kehabisan spesies yang terhasil.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)